

## Keberkesanan media massa dalam memupuk dan memperkukuhkan perpaduan negara dan integrasi nasional

### ABSTRAK

Persoalan utama kajian ini ialah sejauh manakah media massa utama di negara ini, khususnya televisyen, radio dan akhbar, berkesan dalam memupuk dan memperkukuh perpaduan negara dan integrasi nasional. Objektif umum kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan media massa utama dalam memupuk dan memperkukuhkan perpaduan negara dan integrasi nasional dan secara khususnya kajian ini bertujuan untuk 1) Mengenal pasti tahap pendedahan masyarakat kepada media massa yang mengandungi mesej perpaduan negara dan integrasi nasional, 2) Mengenal pasti mesej mengenai perpaduan negara dan integrasi nasional yang di perolehi daripada media massa dan 3) Mengenal pasti persepsi khalayak terhadap keberkesanan media massa dalam menyampaikan mesej mengenai perpaduan negara dan integrasi nasional. Daripada hasil kajian yang dijalankan menunjukkan bagi televisyen tahap pendedahan mesej perpaduan dan integrasi nasional ialah; tinggi (20.0%), sederhana (42.3%) dan rendah (37.7%) data juga menunjukkan pendedahan responden kepada mesej dari media akhbar ialah tinggi (8.8%), sederhana (25.6%) dan rendah 65.6%). Pendedahan mesej aygn sama melalui saluran radio menunjukkan pendedahan tahap tinggi (0.6%), sederhana (8.4%) dan rendah (91.1%). Daripada data yang diperolehi juga menunjukkan bagi kesemua mesej, televisyen merupakan sumber utama mesej iaitu dari 65.8% bagi mesej "Perayaan-perayaan di Malaysia dirayakan oleh semua kaum" dan terendah ialah 42.4% bagi mesej "Laut Cina Selatan bukan penghalang Integrasi Nasional". Sumber utama kedua mesej-mesej berkenaan ialah dari akhbar iaitu yang tertinggi sebanyak 42.6% bagi mesej "Laut Cina Selatan bukan penghalang Integrasi Nasional" dan yang terendah ialah 24.3% bagi mesej "Perayaan-perayaan di Malaysia dirayakan oleh semua kaum". Bagi radio hasil kajian menunjukkan tidak banyak pendedahan kepada mesej perpaduan negara dan integrasi nasional. Walau bagaimanapun sebanyak 16.5% responden menyatakan mendapat mesej "Sebagai rakyat Malaysia kita perlu bertoleransi terhadap kepercayaan kaum lain" dari radio. Hasil analisis keseluruhan juga menunjukkan kebanyakan responden mempunyai persepsi yang positif terhadap impak mesej perpaduan negara dan integrasi nasional dalam media massa, dan ini menunjukkan media massa di negara ini didapati berkesan dalam memainkan peranan memupuk dan memperkukuh perpaduan negara dan integrasi nasional. Hasil kajian ini mungkin dapat digunakan sebagai satu garis panduan dalam menilai keberkesanan media dalam memupuk dan memperkukuhkan perpaduan negara dan integrasi nasional di Malaysia.

**Keyword:** Effectiveness; Mass media; Unity; Malaysia; Integration; National